
**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2021
TINGKATAN 5**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF
2216/1**

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.

(a) Isi	Markah
Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.	
• Fakta berserta huraian / contoh	2 / 3 / 4
• Fakta tanpa contoh	1 / 2
• Fakta betul, contoh salah	1 / 2
• Fakta salah, contoh betul	0
Gaya bahasa	
• Fakta betul, contoh betul	2
• Fakta betul, contoh salah	1
• Fakta betul, tiada contoh	1
• Fakta salah, contoh betul	0
 (b) Penyampaian	
(i) Hendaklah dalam bentuk struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek (bagi soalan Bahagian Satu) dan dalam bentuk esei bagi soalan Bahagian Dua).	
(ii) Menggunakan bahasa yang betul.	
(iii) Menggunakan ejaan yang lengkap dan betul.	
(iv) Soalan perbandangan, mengikut perbandangan terus bukannya dalam bentuk yang disenaraikan.	

Nota:

PENYAMPAIAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN (b)(i) – (v) DI ATAS AKAN DIPOTONG MAKSIMUM 2 MARKAH BAGI SETIAP SOALAN.

Bahagian A [40 markah]

1		Satu persoalan.	
	(i)	Persoalan tentang mengenang jasa seseorang. Contoh : Cuma Pak Dol dan Mak Limah yang menangisi jenazah Abang Said. Hal ini kerana Abang Said pernah membayai pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu.	[2+2]
	(ii)	Persoalan tentang harta dan pangkat tiada nilai apabila meninggal dunia Contoh : Selepas semua itu terputus daripada badan, dia hanyalah seorang arwah. Yang tidak punya apa-apa, kecuali amal jariah dan kasih saying.	[2+2]
	(iii)	Persoalan tentang keprihatinan seseorang terhadap kesusahan orang lain. Contoh : Hal ini kerana Abang Said pernah membayai pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu. Hanya mereka ini yang mendapat tempias rezeki Abang Said.	[2+2]
[Maksimum 4 markah]			
2		Maksud gaya bahasa dan contoh :	
		Gaya bahasa hiperbola – gaya bahasa perbandingan yang melampau / berlebih-lebihan.	[2]
		Contoh : memeluk bayangan silam / berselimutkan kisah sejarah / berbantalkan legenda rimba	[2]
[Maksimum 4 markah]			
3		Dua teknik plot.	
	(i)	Monolog luaran Contoh : MAT PIAH : Tak ada rezeki nampaknya aku hari ni. Sehari suntuk kayuh sampai cekang urat betis, tak dapat sekeping pun. Nasib ... nasib. <i>(MAT PIAH mengeluh sendirian)</i> ATAU MAT PIAH : Pergi menggeruh di Padang Kota lagi bagus. <i>(Bercakap sendiri)</i>	[1+1]
	(ii)	Pemerian Contoh : <i>(Dari sudut gelap di belakang MAT PIAH, muncul JAMES BLACKWAY berpakaian tentera armada Inggeris zaman Francis Light. Wajah BLACKWAY pucat lesi seperti mayat. Dia menghampiri MAT PIAH senyap-senyap dari belakang).</i>	[1+1]
[Maksimum 4 markah]			
4		Dua nilai.	
	(i)	Nilai merendah diri Contoh : Maka kata budak miskin itu, “Harap diampun Duli Tuanku Syah Alam, akan patik ini orang yang hina miskin ini, patik pohonkan cincin tuanku yang di dalam mulut tuanku serta patik haraplah sangat-sangat kepada tuanku.”	[1+1]

		(ii)	Nilai belas kasihan. Contoh : Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu...	[1+1]
[Maksimum 4 markah]				
5		Satu pengajaran berserta contoh		
		(i)	Kita janganlah bertindak kejam terhadap orang lain. Contoh: Abang tuanya telah dilenyapkan dengan kejam di bawah gunung berapi Gora-Gora	[2+2]
		(ii)	Kita hendaklah menegakkan keadilan. Contoh: Bagaimanakah kalau, seperti keinginan abang tuamu sebelum dia dibunuh, kau bawa perkara ini ke pengadilan	[2+2]
[Maksimum 4 markah]				
6		Banding bentuk puisi.		
		(i)	Puisi A mempunyai satu rangkap manakala puisi B ada dua rangkap.	[1+1]
		(ii)	Rima akhir puisi A berselang / abab, manakala rima akhir bagi puisi B sama / aa.	[1+1]
		(iii)	Bilangan / jumlah perkataan sebaris puisi A sama / 4 patah perkataan sebaris manakala jumlah perkataan dalam sebaris bagi puisi B juga sama / 4 patah perkataan.	[1+1]
		(iv)	Puisi A mempunyai 4 baris serangkap manakala Puisi B mempunyai 2 baris serangkap.	[1+1]
[Maksimum 4 markah]				
7		Saranan perwatakan Raden Menteri.		
		(i)	Raden Menteri seharusnya bersabar dalam menghadapi ujian dan dugaan.	[2]
		(ii)	Raden menteri seharusnya menyiasat tentang kematian isterinya Ken Tambohan.	[2]
		(iii)	Raden seharusnya redha menerima segala ketentuan daripadaNya.	[2]
[Maksimum 4 markah]				
8		Dua perwatakan guru kidal.		
		(i)	Seorang yang berani. Contoh : Projek itu mesti dibatalkan. Pedalaman Kuri ini tidak akan berubah menjadi padang golf. Aku berani bertaruh jari hantuku!	[1+1]
		(ii)	Seorang yang berkeyakinan tinggi. Contoh : Mereka berfikir-fikir, mungkinkah dugaan terus memburu guru kidal ini sejak dari Tatamanu lagi, di pedalaman Kuri ini, dan ke mana-mana sahaja guru ini akan pergi? Tetapi, yang nyata, keyakinannya luar biasa.	[1+1]
[Maksimum 4 markah]				
9	(a)	Satu isu masyarakat.		
		(i)	Isu pembangunan yang mengorbankan alam sekitar. Contoh : Sahat membayangkan setiap hari Bukit Emas bakal digondolkan untuk diniagakan tanah kuning dan batu batannya.	[2+2]
		(ii)	Isu punca rezeki rakyat terjejas akibat projek pembangunan. Contoh: Sahat membayangkan keadaan setiap pokok durian, pokok rambutan, cempedak dan langsat penduduk kampung Kuah yang menghijau di Bukit emas akan tumbang menyembah bumi. Selama ini pokok buah-buahan di Bukit Emas telah menjadi punca rezeki mereka	[2+2]
[Maksimum 4 markah]				

10	(a)	Satu unsur patriotisme.	
	(i)	Kesetiaan terhadap bangsa dan tanah air Contoh : ANNA : ...Kau ahli sejarah, mempunyai kesetiaan yang kuat terhadap bangsa dan tanah airmu.	[2+2]
	(ii)	Perasaan sayang akan bangsa dan negara Contoh : ZAKI : Memang, aku sayangkan bangsa dan negaraku, Anna.	[2+2]
[Maksimum 4 markah]			

Bahagian B (60 Markah)

11	(a)	Nada sajak - patriotik	[2]	
		Dalam sajak ini, penyajak bersemangat patriotik mengharapkan masyarakat Malaysia bersatu untuk bersama-sama memajukan negara walaupun terdapat perbezaan bangsa dan budaya./ Contoh : di anjung pelbagai sejuta budaya duduk-duduk berlamalah di sini <u>sambil menganyam citra pelangi</u> di wajah 1Malaysia/ tanah air kita tiada dua <u>hanya satu.</u>	[2]	
		[Maksimum 4 markah]		
11	(b)	Empat gaya bahasa.		
	i)	Asonansi. Contoh: Pengulangan vokal a dari lena <u>dari</u> tidur <u>dari</u> sepi <u>malam</u>	[1+1]	
	ii)	Aliterasi. Contoh : Pengulangan konsonan r yang <u>bergetar</u> dalam <u>riak</u> <u>rasa</u> <u>berbeza</u>	[1+1]	
	iii)	Repitisi kata Contoh : <u>dari</u> <u>lena</u> <u>dari</u> <u>tidur</u> <u>dari</u> <u>sepi</u> <u>malam</u>	[1+1]	
	iv)	Kata ganda Contoh : duduk-duduk	[1+1]	
	v)	Inversi Contoh : sepi malam	[1+1]	
	vi)	Responsi Contoh : mengirim diksi <u>dari</u> langit mantera <u>dari</u> rumpun Melayu air mawar <u>dari</u> sumur nusantara	[1+1]	
	vii)	Metafora Contoh : pentas terbuka,sumur nusantara,jemari hati,jamu cinta.	[1+1]	
	viii)	Hiperbola Contoh : Kita berfikir tentang sejuta mimpi / Kita menyulam sejuta jiwa	[1+1]	

		ix)	Bahasa Istana Contoh : kita <u>santap</u> dalam pentas terbuka	[1+1]
			[Maksimum : 8 markah]	
11	(c)		Cipta sajak	
		(i)	Tema	[2m]
		(ii)	Bahasa	[2m]
		(iii)	Bentuk	[2m]
		(iv)	Kreativiti	[2m]
			Nota : 1. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon kurang daripada 7 baris, berikan markah maksimum 4 markah sahaja 2. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon 7 hingga 11 baris, maksimum markah bentuk ialah 1 markah. 3. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti Jika calon menghasilkan sajak lebih daripada 15 baris, periksa seperti biasa. Sajak yang tidak menepati tema, markah tema 0.	
			[Maksimum : 8 markah]	
12	(a)		Dua latar tempat.	
		(i)	Bandar Barus @ Sibolga Contoh : Bandar yang ingin dituju oleh pemuda untuk pemuda menuntut ilmu tasyaaf.	[1+2]
		(ii)	Pondok Pasir Tumbuh Kelantan Contoh: Tempat pemuda belajar kitab-kitab karangan Ibn al fakih	[1+2]
		(iii)	Hotel Wisata Indah Contoh : Tempat pemuda dan Profesor menginap semasa di Sibolga.	[1+2]
		(iv)	Restoran Sudarno Contoh ; Tempat pemuda Dan Pak Supir makan ikan bakar.	[1+2]
		(v)	Lobi Hotel Wisata Indah Contoh : Tempat perbualan antara anak muda dan Profesor Sufi.	[1+2]
		(vi)	Medan/Permatang Siantar Contoh: Tempat anak muda bertembung dengan anak-anak muda yang memegang dan menadah bakul memohon derma di jalanan.	[1+2]
			[Maksimum 6 markah]	
12.	(b)		Dua unsur keagamaan.	
		(i)	Institusi pengajian Islam Contoh : ‘Pondok/Pondok Pasir Tumboh/pesantren’	[1+2]
		(ii)	Kitab-kitab yang berunsurkan keagamaan. Contoh : Kitab Bughyat-tullab, Duruthsamin, Fura’ almasail, Wirduzawahir.	[1+2]
		(iii)	Tokoh-tokoh agama. ‘Tuan Guru haji Hashim/ Ibn Al Fakih/ Mas’udi/ Ibn Said / Syeikh Ahmad Al Fatani / Syeikh Daud al-Fatani /Hamzah Fansuri / Shamsuddin al-Sumatrani / Sheikh Nuruddin ar-Raniri / Abdul Raof Singkel.	[1+2]
		(vi)	Ilmu-ilmu dalam agama Islam Contoh : ’Tasawuf/sufi’	[1+2]
		(v)	Perkataan/Istilah berkaitan agama Islam Contoh : Ulama/beristighfar/fardhu haji/makrifat	[1+2]
			[Maksimum : 6 markah]	

12	(c)	Cipta cerpen.	
	(i)	Isi	[2]
	(ii)	Teknik	[2]
	(iii)	Bahasa	[2]
	(iv)	Kreativiti	[2]
		Nota : 1. Jika cerita yang ditulis tidak mengikut tema, 0 markah akan diberikan untuk bahagian isi. 2. Calon digalakkan menggunakan 2 atau 3 teknik penulisan/teknik plot untuk mendapatkan 2 markah untuk bahagian teknik. 3. Sekiranya calon menulis kurang daripada 80 patah perkataan, 1 markah sahaja akan diberikan untuk bahagian isi. 4. Jika calon tidak menulis tajuk cerpen, tolak 1 markah kreativiti.	
			[Maksimum : 8 markah]
13	(a)	Satu persoalan drama.	
	(i)	Percintaan atau kasih sayang yang keterlaluan / Terlalu menurut kata hati Contoh : Anna sanggup untuk tidak meneruskan pengajiannya sebagai mahasiswa jurusan Ekonomi di Universiti Cambridge semata-mata kerana perasaan cinta yang mendalam terhadap Zaki dan akhirnya mengikutnya pulang ke Malaysia.	[2+2]
	(ii)	Tanggungjawab anak terhadap ibu. Contoh: Zaki seorang anak yang tidak melupakan tanggungjawab terhadap ibu kanndungnya yang telah tua, uzur, separuh lumpuh dan hampir-hampir buta matanya walaupun cintanya kuat terhadap Anna.	[2+2]
	(iii)	Kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Contoh : Mak Munah yang sedar tentang kepentingan pendidikan telah banyak berkorban untuk mendidik anaknya, Zaki sehingga anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara / Universiti Cambridge dalam jurusan Sejarah.	[2+2]
	(iv)	Simpati terhadap masalah yang dihadapi oleh seseorang. Contoh : Dr Chan, doktor pakar mata yang merupakan sahabat baik Zaki sejak di bangku sekolah bersimpati dengan krisis yang dihadapi oleh Zaki dan keluarganya. Dr Chan membuat tawaran untuk merawat ibu Zaki yang hilang penglihatan.	[2+2]
	(v)	Tanggungjawab ibu terhadap anak. Contoh : Mak Munah melaksanakan tanggungjawab untuk membesarkan anaknya, Zaki sehingga dirinya jatuh sakit dan matanya hampir-hampir buta.	[2+2]
	(vi)	Pengorbanan ibu terhadap anak. Contoh : Mak Munah telah berjuang sehabis tenaganya, jatuh sakit dan sanggup berkorban apa sahaja untuk Zaki sehingga tanah mereka tergadai, ketika menyara perbelanjaan pendidikan untuk anaknya selama lima tahun di Universiti Cambridge malah matanya hampir-hampir buta.	[2+2]
	(vii)	Perasaan cemburu isteri terhadap suami. Contoh : Anna merasa cemburu terhadap ibu Zaki yang dianggap telah memecahkan kasih sayang Zaki terhadapnya sehingga hidupnya menderita selama empat tahun.	[2+2]
			[Maksimum 4 markah]

13	(b)	Dua pengajaran.	
	(i)	Kita hendaklah berdoa yang baik-baik untuk kesejahteraan ahli keluarga. Contoh : MAK MUNAH : Diam, cu. (<i>Berdoa</i>) Ya Allah, selamatkan rumah tangga Zaki. Selamatkan Anna. Selamatkan Tina.	[2+2]
	(ii)	Kita hendaklah sentiasa bersabar ketika menghadapi dugaan hidup Contoh : DR. CHAN : Sabar, mak cik.	[2+2]
	(iii)	Kita sewajarnya memberi ruang waktu kepada seseorang untuk bertenang bagi menyelesaikan sesuatu masalah Contoh : DR. CHAN :... Biarkan Anna bertenang dulu. ZAKI : Ya, dia perlukan banyak waktu.	[2+2]
	(iv)	Kita hendaklah tabah menghadapi pelbagai ujian / Kita kena kuatkan semangat dalam menempuh pelbagai ujian Contoh : ZAKI : ... Walaupun Anna pergi, ibuku mesti melihat dunia kembali. Dan pada engkaulah, doktor kuharap akan memberikan ibuku cahaya hidupnya kembali.	[2+2]
	(v)	Kita hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menjaga kebaikan orang lain Contoh : DR. CHAN (dengan tenang) : Ya, Zaki. Aku akan cuba sedaya upayaku	[2+2]
	(vi)	Kita hendaklah sentiasa berdoa dan mengharapkan pertolongan daripada Allah dalam segala urusan Contoh : DR. CHAN (dengan tenang) : ...Doakan saja. Semuanya dalam kuasa Tuhan belaka.	[2+2]
[Maksimum : 8 markah]			
13	(c)	Cipta skrip drama.	
	(i)	Isi	[2]
	(ii)	Teknik	[2]
	(iii)	Bahasa	[2]
	(iv)	Kreativiti	[2]
		Nota : 1. Calon mesti mencipta sekurang-kurangnya lapan dialog drama. 2. Calon menulis kurang daripada empat dialog, maksimum 4 markah.	
Maksimum : 8 markah			
14	(a)	Seloka	
		Bertemakan kepentingan ikhtiar untuk mencapai kejayaan.	[2]
		Huraian : Seseorang yang ingin mencapai kejayaan dalam kehidupan perlu berusaha / berikhtiar sendiri dan jangan terlalu mengharapkan pertolongan atau bantuan daripada orang lain. / Banyak orang berangan-angan tinggi, Ingin mencapai itu dan ini, Tetapi tak mahu bersusah diri, Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati, Mereka suka minta tolong, minta beri.	[2]
[Maksimum 4 markah]			

14	(b)	Ciri bentuk seloka.	
	(i)	Ada rangkap / barangkap Huraian : Terdiri daripada lima rangkap.	[1+1]
	(ii)	Jumlah / bilangan baris setiap rangkap adalah tidak sama. Huraian : Antara 5 hingga 11 baris serangkap.	[1+1]
	(iii)	Jumlah / bilangan patah perkataan setiap baris tidak sama. Huraian : Antara dua hingga tujuh patah perkataan sebaris.	[1+1]
	(iv)	Jumlah / bilangan suku kata sebaris tidak sama Huraian: Antara 4 hingga 15 suku kata sebaris	[1+1]
	(v)	Rima akhir tidak sama bagi setiap rangkap. Huraian : R1(abcdc), R2(aaaab), R3(abcddefghi) R4(aabbcc) R5(aaaaaa)	[1+1]
	(vi)	Bentuk seloka adalah bebas Huraian : Jumlah / bilangan baris setiap rangkap tidak sama / rima akhir setiap rangkap tidak sama.	[1+1]

[Maksimum 8 markah]

14	(c)	Dua pandangan terhadap maksud seloka.	
	(i)	Seseorang yang ingin berjaya, tidak seharusnya terlalu mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Contoh : Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati, Mereka suka minta tolong, minta beri.	[2+2]
	(ii)	Dalam mencapai kejayaan, seseorang itu juga tidak seharusnya menyusahkan dan mengharapkan ibu bapa. Contoh : Atau menyusahi ayah dan ibu – jadi kutu, Sebagai anak kecil yang masih menyusu.	[2+2]
	(iii)	Seseorang itu seharusnya berusaha dan berikhtiar sendiri untuk mencapai kejayaan. Contoh : Manusia disuruh ”beramal”, berusaha: Sendirilah, selam lautan dalam! Sendiri rempuh belukar tebal yang kelam!	[2+2]

[Maksimum 8 markah]

15	(a)	Dua nilai.	
	(i)	Nilai kasih sayang. Contohnya : Presiden tetap menyayangi dan menghormati ibunya yang miskin walaupun sudah berjaya dalam hidup dan dihormati oleh masyarakat Ogonshoto.	[1+1]
	(ii)	Nilai keberanian. Contohnya : Sewaktu kecil, Presiden berani berenang seorang diri dan menyelinap masuk ke dalam kapal yang membawa ke Eropah.	[1+1]
	(iii)	Nilai kesyukuran. Contohnya, ibu dan ahli keluarga pemuda Banaba pergi ke gereja untuk memanjatkan rasa gembira kepada Tuhan. Hal ini adalah kerana pemuda Banaba yang hilang telah ditemui oleh sekumpulan penduduk di pantai barat Gora-Gora.	[1+1]

		(vi)	Nilai Kegigihan. Contohnya : Lelaki tua dari Runakita gigih menggali kolam untuk mendapatkan sumber air.	
		(v)	Nilai belas kasihan . Contohnya : Nakhoda membenarkan dua orang wanita dan seorang lelaki yang berpenyakit menaiki bahteranya walaupun penumpang lain menentangnya.	[1+1]
			Nota : Terima mana-mana nilai yang sesuai berdasarkan novel tersebut.	
[Maksimum 4 markah]				
15	(b)	Dua ciri kepemimpinan watak Jeneral.		
		(i)	Prihatin terhadap rakyat. Contoh: Jeneral dan isterinya pergi ke kampung-kampung nelayan, bandar atau pedalaman Ture untuk bertanya khabar dan menghulurkan bantuan kepada teman sekampungnya.	[2+2]
		(ii)	Sentiasa menepati masa. Contoh: Jeneral terlatih dengan sikap menepati masa / Jeneral sampai di restoran makanan laut di Ture 30 minit lebih awal untuk bertemu untuk bertemu Tuan wakil dan pegawai kanan pemerintahan provinsi.	[2+2]
		(iii)	Mempunyai disiplin yang tinggi. Contoh: Di pejabat dia sentiasa kemas berpakaian seperti pegawai kanan pemerintah	[2+2]
		(iv)	Bijak mengatur strategi Contoh: Jeneral bijak mengatur strategi politiknya dengan menganggotai parti politik pemerintah yang menyediakan kedudukan dan kemewahan.	[2+2]
[Maksimum 8 markah]				
15	(c)	Sambung cerita.		
		(i)	Isi	[2]
		(ii)	Teknik	[2]
		(iii)	Bahasa	[2]
		(iv)	Kreativiti	[2]
			Nota : 1. Calon digalakkan menggunakan 2 atau 3 teknik penulisan/teknik plot untuk mendapatkan 2 markah untuk bahagian teknik. 2. Sekiranya calon menulis kurang daripada 80 patah perkataan, 1 markah sahaja akan diberikan untuk bahagian isi.	
			[Maksimum 8 markah]	
16	(a)	Dua teknik plot.		
		(i)	Teknik pemerian. Contoh : Maka tiada berapa lamanya ia berjalan itu maka sampailah ia kepada negeri tempat bondanya itu. Maka budak itu pun berjalanlah menuju rumah bondanya itu.	[1+1]
		(ii)	Teknik dialog. Contoh : Setelah bondanya melihat anaknya datang itu, maka bondanya pun terlalulah suka hatinya, seraya ia bertanya kepada anaknya itu katanya, "Ke manakah anakku pergi selama ini dan berapa kali kusuruh cari tiada juga bertemu?" Maka sahut budak itu, "Beta pergi mengikut anak ular itu."	[1+1]

		(iii)	Teknik imbas kembali. Contoh : Maka diceterakan hal ehwalnya itu dari mulanya mengikut ular itu datang kepada kesudahannya.	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
	(b)		Dua perwatakan budak miskin.	
		(i)	Seorang yang penyayang. Contohnya : Budak miskin memelihara dan menyayangi anak ular naga, anak helang dan anak tikus. Budak miskin berasa susah hati dan terus mencari anak ular naga apabila menghilangkan diri secara tiba-tiba.	[2+2]
		(ii)	Seorang yang taat kepada pemerintah. Contohnya : Budak miskin patuh/taat akan perintah Syahbandar yang menyuruhnya pergi ke rumah Syahbandar yang ingin melihat anak ular naganya itu.	[2+2]
		(iii)	seorang yang berani. Budak Miskin berani meredah hutan untuk mencari anak ular naganya yang hilang.	[2+2]
		(iv)	Seorang yang bijaksana. Budak Miskin bijak mencari helah untuk mendapatkan tongkat sakti daripada hulubalang naga.	[2+2]
			[Maksimum 8 markah]	
	(c)		Adaptasi syair.	
		(i)	Tema	[2]
		(ii)	Bentuk	[2]
		(iii)	Bahasa	[2]
		(iv)	Kreativiti	[2]
			Nota : 1. Calon mencipta syair kurang daripada 2 rangkap, berikan 4 markah maksimum. 2. Syair yang tidak menepati tema, berikan 0 markah untuk tema.	
			[Maksimum 8 markah]	

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT